CyberSecurity MALAYSIA

NACSA
AGENSI KESELAMATAN SIBER NEGARA
NATIONAL CYBER SECURITY AGENCY

NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS MALAYSIA

BUKU PANDUAN

KEIBUBAPAAN SIBER

DENGAN KERJASAMA

digi

PENGENALAN
muka surat 02

ANCAMAN DAN KEBIMBANGAN SIBER
muka surat 04

- Contoh-contoh platform dalam talian yang popular dalam kalangan kanak-kanak dan ancaman siber yang berkaitan: **muka surat 07**

ANCAMAN KESIHATAN SIBER
muka surat 08

MENYEDIAKAN PERSEKITARAN DALAM TALIAN YANG SELAMAT DI RUMAH
muka surat 14

- Bagaimana Mengaktifkan Ciri Kawalan Ibu Bapa atau Mod Carian Selamat pada aplikasi popular: **muka surat 15**

#COOLPARENTHOOD– BAGAIMANA MENJADI IBU BAPA YANG HEBAT DI ALAF SIBER?
muka surat 18

- 5 Ikrar Keibubapaan: **muka surat 19**

TIPS YANG SESUAI DENGAN UMUR
muka surat 20

- Tiga (3) peraturan mudah untuk mengingatkan anak-anak anda: **muka surat 22**
- Tiga (3) peraturan mudah untuk Ibu bapa: **muka surat 23**

PENGHARGAAN
muka surat 24

PENGENALAN

Dunia dalam talian telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita dan juga anak-anak kita. Ia amat pintar, menyediakan peluang untuk belajar, bermain dan bersosial seterusnya menyumbang kepada kemahiran intelektual dan sosial dalam kalangan kanak-kanak. Dengan teknologi yang sentiasa berkembang, dunia dalam talian kini boleh diakses dari mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja melalui komputer, telefon bimbit, dan peranti-peranti elektronik yang lain.

Kanak-kanak memerlukan bimbingan dan pengawasan daripada ibu bapa dan penjaga mereka untuk membantu mereka mendapatkan manfaat daripada dunia dalam talian dan pada masa yang sama, kekal selamat dan bertanggungjawab.

Panduan ini disediakan untuk membantu ibu bapa dan penjaga mendalami kemahiran keibubapaan siber di dalam dunia digital. Ia akan membantu anda untuk melibatkan diri dalam kehidupan anak-anak anda secara dalam talian. Di samping itu, ia juga untuk menetapkan peraturan dan garis panduan yang akan dapat melindungi mereka.



Tahukah anda?

50% daripada kanak-kanak yang bersekolah menengah berinteraksi melalui media sosial tanpa pemantauan ibu bapa[1]

1 daripada 4 kanak-kanak di Malaysia menghadapi masalah penyisihan, ugutan dan gangguan dalam talian[1]

1 daripada 4 kanak-kanak yang dikaji mungkin akan bersetuju untuk berjumpa dengan seseorang yang baru dikenali mereka di Internet[2]

94% daripada kanak-kanak di Malaysia terdedah kepada pornografi dalam talian[1]

60% daripada kes serangan seksual bagi tempoh Jan-Sept 2017 yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia melibatkan kanak-kanak[3]

Jenayah siber merangkumi **lebih 70%** daripada jenayah komersil di Malaysia (lebih tinggi daripada pengedaran dadah)[1]

Sumber:
[1] Video "Keep Our Women & Children #cyberSAFE"
[2] Kajian DiGi CyberSAFE 2015
[3] Dibentangkan oleh ASP NurElyanis Mohd Yusoff di Seminar "Keep Our Women & Children #CyberSAFE" pada 22 October 2017

ANCAMAN DAN KEBIMBANGAN SIBER

Kanak-kanak yang sedang berkomunikasi dalam talian terdedah kepada pelbagai ancaman dan kebimbangan yang boleh membahayakan diri mereka sendiri, kawan dan keluarga. Sebagai ibu bapa, anda perlu sedar bahawa anak anda bukan sahaja berisiko untuk menjadi mangsa ancaman siber, tetapi mereka juga mungkin membahayakan dan menyakiti orang lain, sama ada secara sengaja atau sebaliknya. Oleh itu, mereka perlu dimaklumkan tentang risiko-risiko ini dan dibimbing untuk membuat pilihan yang selamat dan bertanggungjawab ketika melakukan aktiviti dalam talian.



- Ancaman Berkaitan Seksual

i. Antun (*Grooming*) seksual - dihendap atau berkawan dengan pemangsa untuk aktiviti seksual atau pornografi.
ii. Menerima atau terlibat dalam gangguan seksual.
iii. Mencari hubungan seks dengan orang dewasa atau remaja lain.
iv. "Sexting" – Terlibat dengan perbualan dalam talian yang berkait dengan teks dan imej yang bersifat provokatif secara seksual

- Perisian hasad/Virus/ Penipuan

i. Dijangkiti atau menjangkitkan orang lain dengan virus komputer yang boleh merosakkan komputer/peranti.
ii. “Phishing” - penipuan atau laman palsu yang cuba untuk mendapatkan maklumat sensitif seperti nama pengguna, kata laluan, butiran kad kredit (atau akaun bank) yang berniat jahat dan boleh menyebabkan kehilangan wang serta kecurian data.

- Buli siber

Menjadi sasaran atau memprovokasi orang lain dengan menggunakan kandungan dalam talian yang membahayakan atau menyakitkan hati.

- Pencurian Identiti

Kehilangan atau kecurian data peribadi atau akaun media sosial.

- Permainan Dalam Talian

Penglibatan yang melampau dalam permainan dalam talian, terutamanya permainan ganas.

- Perjudian dalam talian

Terlibat dengan permainan dalam talian berasaskan perjudian atau perjudian dalam talian sebenar.

- Ketagihan Internet

Gangguan psikologi yang menyebabkan seseorang itu menghabiskan banyak masa pada komputer yang menjejaskan kesihatan, pekerjaan, kewangan atau hubungan mereka.

- Pelanggaran hak cipta

Menyalin atau menyebarkan karya hak cipta seseorang secara tidak wajar.

- Pengaruh Negatif (Komuniti)

Berinteraksi dengan komuniti yang boleh mempengaruhi anak-anak terlibat dengan gejala negative seperti mencederakan diri, perlakuan ganas serta kumpulan remaja bermasalah.

AKTIVITI INTERNET YANG POPULAR DALAM KALANGAN KANAK-KANAK MALAYSIA



Sumber: Kajian Asas Kesedaran Keselamatan Siber Kebangsaan dalam kalangan Murid Sekolah Rendah dan Menengah (2016)

CONTOH-CONTOH PLATFORM DALAM TALIAN YANG POPULAR DALAM KALANGAN KANAK-KANAK DAN ANCAMAN SIBER YANG BERKAITAN:

PLATFORM DALAM TALIAN	ANCAMAN SIBER
Media Sosial (cth. Instagram, FB, Tumblr, Wechat)	• Buli Siber • Antun *(Grooming)* Seksual • KecurianIdentiti • Komuniti yang tidak selamat dan berbahaya - Pengaruh Negatif (Komuniti)
Aplikasi Sembang (cth. WhatsApp, FB messenger, Wechat)	• "Sexting" • Buli Siber • Antun Seksual • Komuniti yang tidak selamat atau berbahaya • Pornografi
Audio dan Video (cth. Joox, Soundcloud, Spotify, YouTube, Snapchat, Bigo)	• Pelanggaran hak cipta • Pornografi • Buli Siber • Antun Seksual
E-mel	• Penipuan • "Phishing" • Virus/Perisian hasad
Permainan dan aplikasi	• Ketagihan Internet • Perjudian dalam talian • Virus/Perisian hasad

ANCAMAN KESIHATAN SIBER

1. Keluarga yang sihat mestilah mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang seimbang. Ketagihan Internet dalam kalangan ibu bapa boleh mempengaruhi tabiat internet anak-anak. Bagi mewujudkan keluarga bingkas siber, anda perlu menghadkan masa yang anda gunakan untuk berinteraksi di alam maya sebelum anda menghadkan masa penggunaan internet anak-anak. Sebagai ibu bapa anda perlu menunjukkan cara yang positif semasa berhubung dan berinteraksi di alam maya terutama ketika menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*. Jika anda kerap menggunakan perkataan lucah dan membuli pengguna media sosial yang lain, maka tidak mustahil anak-anak anda meniru perilaku ini. Perkara ini merupakan ancaman kesihatan siber khususnya gangguan tumbesaran emosi dan psikologi anak-anak. Masalah ini boleh mendorong mereka bersikap kurang sopan dan gagal membentuk jati diri di masa hadapan. Pengunaan alatan digital yang berlebihan boleh menyebabkan

'Digital Eye Syndrome (DES)'. Tanda-tanda DES termasuklah penglihatan menjadi kabur, ketegangan/keletihan mata, mata menjadi kering atau merah dan sakit kepala. Kesannya terhadap kanak-kanak dan remaja adalah lebih membimbangkan. Selain berisiko mengalami tanda-tanda DES, kanak-kanak juga berisiko mendapat rabun jauh. Penggunaan alatan digital melibatkan aktiviti penglihatan jarak dekat dan mengurangkan aktiviti luaran. Kedua-dua faktor ini adalah penyumbang utama pada peningkatan tahap rabun jauh pada kanak-kanak. Antara tips bagi mengurangkan kesan penggunaan alatan digital pada penglihatan adalah:

- Mengamalkan *20-20-20 rule*: Selepas penggunaan alatan digital selama 20 minit, rehat selama 20 saat dengan melihat sejauh 20 kaki.
- Mengelipkan mata secara kerap semasa meggunakan alatan digital untuk mengelakkan mata kering.
- Pastikan jarak penglihatan dengan alatan digital tidak kurang dari 18 inci untuk kanak-kanak.
- Pastikan tahap penglihatan kanak-kanak diperiksa supaya rabun dapat dikesan awal.

2. Ketahuilah bahawa postur (kedudukan leher) yang tidak betul semasa pengunaan peranti digital/ telefon pintar boleh menyebabkan sakit tengkuk dan sakit tulang belakang yang berpanjangan. Ibu bapa perlu mengambil tahu postur yang betul semasa anak-anak menggunakan peranti digital. Ibu bapa digalakkan memuat turun aplikasi yang boleh membantu dalam mendapatkan postur yang sesuai serta mengurangkan ancaman terhadap leher dan tengkuk anak-anak.

3. Penggunaan alatan digital dan internet yang keterlaluan akan menyebabkan gangguan terhadap hormon dalam badan, masa tidur yang tidak mencukupi serta keletihan kepada anak-anak. Anak-anak kita akan keletihan dan tidak dapat fokus semasa pembelajaran. Kesan ini boleh menyebabkan anak-anak kita hilang fokus terhadap pelajaran dan seterusnya mengalami kemurungan.

1/3 KEHIDUPAN HARIAN ANAK ANDA ADALAH DI DUNIA ONLINE.

Adakah anda tahu apa yang berlaku?

Remaja aktif di media sosial selama 9 jam sehari.
Layari http://digi.my/predator untuk ketahui sama ada kehidupan online mereka dilindungi.

Hentikan kegiatan grooming siber si pemangsa

Kanak-kanak adalah sasaran yang mudah di media sosial.

FACEBOOK
Lindungi maklumat peribadi

FACEBOOK
Siapa boleh cari anda

FACEBOOK
Siapa tahu lokasi anda

FACEBOOK
Siapa lihat pos anda

FACEBOOK
Siapa mahu berkawan dengan anda

INSTAGRAM
Siapa lihat maklumat anda

INSTAGRAM
Pos dan perbualan yang tidak sesuai

INSTAGRAM
Hati-hati apa yang dikongsi

digi

JOM BERINSPIRASI

DIGI CyberSAFE™

dengan kerjasama CyberSecurity Malaysia

be smart use heart

Umur 13 hingga 15

"Saya gemar memuat naik status dalam media sosial. Tetapi, saya benci apabila orang memalukan saya. Oh, dan saya juga baru tahu bagaimana untuk menggunakan rangkaian perkongsian fail p2p."

Tip untuk ibu bapa:

- Hadkan masa dalam talian selama dua jam sehari
- Mengurangkan risiko dengan tetapan privasi dalam media sosial
- Kongsi dengan mereka tentang bahaya buli siber dan cara-cara penyelesaian
- Memantau penggunaan Internet mereka serta status atau penggunaan kamera web
- Menapis laman web dan rangkaian media sosial yang tidak sesuai (cth:laman web dating)
- Berbincang dengan mereka mengenai pornografi Internet dan aksi keganasan dalam permainan video

Umur 16 dan ke atas

"Saya sentiasa berinteraksi dengan orang secara dalam talian dan saya berjumpa dengan ramai kawan baru di luar talian."

Tip untuk ibu bapa:

- Kongsi dengan mereka tentang bahaya grooming seksual dalam talian dan perjumpaan dengan orang tidak dikenali di luar talian
- Benarkan mereka memilih rakan online, tetapi pastikan anda mengenali identiti sebenar kawan tersebut
- Sekat mereka daripada memuat turun perisian cetak rompak, filem, muzik, atau permainan video untuk mengelakkan virus 'malware'
- Berbincang dengan mereka mengenai tanggunjawab pergunaan digital serta risiko dan kepentingan kata laluan yang kukuh
- Apabila mereka meningkat dewasa, berikan kepercayaan kepada mereka untuk melakukan perkara yang betul dan untuk menunjuk ajar adik-adik

Umur 8 hingga 12

"Saya jarang mengepos apa-apa maklumat di media social, tetapi says aktif menggunakan aplikasi chat!"

Tip untuk ibu bapa:

- Sekat semua komunikasi daripada orang yang tidak termasuk dalam senarai nama yang diizinkan
- Jangan benarkan mereka memuat naik maklumat peribadi di profil, blog atau laman web tanpa pantauan
- Pastikan anak anda menggunakan enjin carian yang mesra kanak-kanak
- Ajar anak anda untuk menghormati orang lain semasa berada dalam talian dan berfikir sebelum memuat naik apa-apa

Umur 7 dan ke bawah

"Apakah yang dimaksudkan dengan media sosial? Saya bermain permainan online dan menonton video!"

Tip untuk ibu bapa:

- Hadkan masa penggunaan Internet anak anda kepada setengah jam sehari sahaja dibawah pemantauan anda
- Gunakan perisian kawalan ibu bapa (cth:Digi Family Safety) untuk menyekat mana-mana laman web yang tidak sesuai untuk umur mereka
- Pilih 'Youtube Kids' dan menghentikan fungsi 'auto-play'

Untuk keterangan lanjut, layari **digi.com.my/digicybersafe**

MENYEDIAKAN PERSEKITARAN DALAM TALIAN YANG SELAMAT DI RUMAH

Kajian Asas Kesedaran Keselamatan Siber Kebangsaan mendapati, lebih daripada 80% kanak-kanak di Malaysia paling kerap menggunakan internet di rumah berbanding di sekolah dan di tempat-tempat lain. Sehubungan dengan itu, kemahiran berkaitan keibubapaan siber ini memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku dan etiket dalam talian bagi kanak-kanak. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak memahami risiko dalam talian serta bagaimana untuk mengamalkan kemahiran dalam talian yang selamat di rumah.

Berikut adalah amalan terbaik yang boleh diamalkan bagi mewujudkan persekitaran dalam talian yang selamat bagi keluarga anda:

1. Pastikan/ Galakkan penggunaan komputer dan alatan digital di ruang tamu supaya anda dapat memantau aktiviti dalam talian anak-anak agar tidak mengganggu masa belajar dan tidur mereka.

2. Tetapkan mod carian selamat pada pelayar internet yang digunakan.

3. Muat turun dan menetapkan aplikasi pemantauan.

4. Memeriksa tetapan privasi dan keselamatan bagi akaun media sosial.

5. Tetapkan had masa bagi penggunaan Internet.

Langkah mengaktifkan ciri kawalan ibu bapa atau Mod Carian Selamat

1. YouTube

Panduan untuk mengaktifkan mod carian selamat.

Turn Restricted Mode on or off

1. Go to the account icon .
2. Click **Restricted Mode**.
3. In the dialog box that appears, toggle restricted mode to on or off.

TEMPAT KANAK-KANAK MENGGUNAKAN INTERNET DENGAN KERAP



Sumber: Kajian Asas Kesedaran Keselamatan Siber Kebangsaan dalam kalangan Murid Sekolah Rendah dan Menengah (2016)

Langkah mengaktifkan ciri kawalan ibu bapa atau Mod Carian Selamat

2. Pelayar Internet: Chrome

Panduan untuk mengaktifkan mod carian selamat.

Turn SafeSearch on or off

1. Go to Search Settings.
2. Under "SafeSearch filters," check or uncheck the box next to "Turn on SafeSearch."
3. At the bottom of the page, select **Save**.

Langkah mengaktifkan ciri kawalan ibu bapa atau Mod Carian Selamat

3. Facebook

Terdapat banyak aplikasi pengawasan yang boleh mebmantu anda memantau aktiviti anak-anak anda di FB. Layari ***https://www.spyzie.com/parental-controls/facebook-parental-controls.*** html untuk mengetahui 10 aplikasi pengawasan teratas, tahun 2018.

6. Memasang perisian antivirus.

++

7. Didik anak-anak anda untuk merahsiakan kata laluan mereka daripada orang yang tidak dikenali.

++

Patuhi panduan dalam talian bersama anak-anak anda. Terangkan kepada mereka mengenai peraturan dalam talian yang telah anda tetapkan supaya mereka jelas mengenai jangkaan harapan anda terhadap mereka, serta akibat yang akan mereka hadapi sekiranya melanggar peraturan ini. Anda boleh memaparkan panduan ini berdekatan kawasan komputer keluarga sebagai peringatan yang berterusan.

#Coolparenthood– BAGAIMANA MENJADI IBU BAPA YANG HEBAT DI ALAF SIBER?

Kita bukan hanya mahu menjadi ibu bapa siber yang efektif dalam melindungi anak-anak, malah kita juga ingin kelihatan hebat agar anak-anak mudah untuk menerima kaedah keibubapaan siber ini. Jadi apakah perkara yang boleh anda lakukan untuk menjadi ibu bapa siber yang hebat? Berikut adala lima (5) ikrar keibubapaan untuk membimbing anda:

5 IKRAR KEIBUBAPAAN:

1. Proaktif

- "Cipta dunia dalam talian yang selamat untuk anak-anak, hanya dengan berbual dan menyelami dunia siber mereka."
- Ibu bapa yang proaktif perlu memiliki halatuju yang betul dan jelas untuk melaksanakan garis panduan keibubapaan siber.

2. Mendidik

- "Jadilah Ibu Bapa Celik Siber".
- Ketahui ciri-ciri peranti anak anda.
- Cuba pelbagai aplikasi atau permainan dengan mereka.
- Adalah penting untuk memasang aplikasi kawalan ibu bapa ke atas setiap peranti yang digunakan oleh anak-anak untuk melayari Internet.

3. Bersahabat

- "Berkawan dan ikut tetapi jangan menghendap."
- Jika ibu bapa membenarkan anak mereka memiliki akaun media sosial, maka mereka perlu menjadi rakan dan pengikut anak mereka.
- Komunikasi adalah amat penting. Pencegahan dan campur tangan boleh menyelamatkan anak anda daripada penjenayah siber.

4. Mengawal Selia

- Pantau kewujudan mereka di Internet.
- 51% daripada remaja di Malaysia tidak mempunyai peraturan atau sempadan mengenai bagaimana mereka menggunakan atau berkelakuan dalam Internet. (Tiada kawalan ibu bapa) - *Kajian Asas Nasional Kesedaran Keselamatan Siber dalam kalangan Murid Sekolah Rendah dan Menengah, 2016*
- Masuk ke dunia siber anak anda dan amati tabiat Internet mereka.

5. Memimpin

- "Tunjukkan contoh Keseimbangan Digital."
- Anak-anak anda memerhatikan anda. Jadilah ibu bapa yang dapat menjadi contoh yang baik kepada anak-anak anda.
- Kurangkan tabiat buruk dan rancang aktiviti bersama anak-anak.

TIPS YANG SESUAI DENGAN UMUR

Strategi keibubapaan tradisi atau dunia nyata amat sesuai untuk diamalkan dalam keibubapaan siber, di mana ibu bapa melindungi anak-anak kecil dengan mengawasi mereka secara dekat dan menyediakan peraturan yang mudah diikuti mereka. Kanak-kanak perlu memahami bahawa tingkah laku yang sama di dalam atau di luar talian akan memberi impak kepada diri mereka, rakan rakan, dan keluarga. Oleh itu, kanak-kanak perlu belajar untuk bertanggungjawab dan beretika ketika sedang dalam talian untuk mengelakkan diri mereka daripada terdedah kepada ancaman siber. Keibubapaan siber yang berkesan akan membantu kanak-kanak membesar sebagai netizen warga digital yang baik di rumah dan di luar.

Berikut adalah beberapa tip yang sesuai untuk membantu anda dalam aspek keibubapaan siber:

a. Kanak-kanak prasekolah (0-6)

- Duduk bersama-sama anak anda dan awasi mereka dengan teliti semasa mereka menggunakan komputer atau peranti mudah alih.
- Gunakan tetapan kawalan ibu bapa untuk menetapkan tempoh penggunaan komputer dan laman web atau aplikasi yang sesuai untuk dilayari. Berikan mereka kebenaran hanya untuk melayari laman web yang telah ditandakan (bookmarked).
- Tetapkan tetapan privasi yang tinggi dengan pelayar, permainan dan aplikasi.
- Maklumkan hal tentang orang asing yang ada dalam talian dan mengapa penting untuk tidak memberikan sebarang maklumat peribadi atau melibatkan diri dengan mereka dalam apa-apa cara sekalipun.

b. Kanak-kanak Sekolah Rendah (7-12)

- Bincang dengan anak anda tentang buli siber. Sama seperti kehidupan di luar talian, ada pembuli di dalam dunia digital. Bantu mereka mengenali pembuli siber dan bagaimana membuat laporan jika mereka menjadi mangsa. Mereka juga harus memahami bahawa adalah salah untuk membuli orang lain melalui isi kandungan dalam talian yang berbahaya atau menyakitkan.
- Pastikan anak anda meminta kebenaran anda sebelum membeli atau memuat turun sesuatu di Internet.
- Minta anak anda memberitahu anda dengan segera jika orang asing menghubungi mereka dalam talian dan pastikan mereka tidak terlibat dengan perbualan dalam talian dengan orang yang tidak dikenali atau bersetuju untuk bertemu dengan orang tersebut secara peribadi.
- Sebagai ibu bapa, anda harus berpengetahuan tentang tapak rangkaian sosial, permainan dan aplikasi yang digunakan oleh anak anda. Biasakan diri anda dengan tapak dan aplikasi ini, belajar tentang cara mereka bekerja, dan pantau aktiviti anak anda.

a. Remaja (13-17)

- Amalkan tip yang dicadangkan untuk kumpulan usia sekolah rendah.
- Minta anak remaja anda untuk merahsiakan semua maklumat peribadi (nama, nombor telefon, alamat dan sebagainya) dan jangan sekali-kali mendedahkan kata laluan mereka kepada sesiapa kecuali anda.
- Ajar remaja anda untuk tidak mengklik pautan dalam e-mel atau mesej segera - ini adalah cara biasa untuk terkena virus atau mendedahkan maklumat peribadi dan maklumat berharga kepada penjenayah
- Terangkan kepada remaja anda akibat perkongsian fail dan memuat turun buku, muzik, permainan, dan filem. Bincang dengan mereka tentang harta intelek, hak cipta, dan plagiarisme.
- Tetapkan peraturan yang jelas mengenai apa yang sesuai untuk dipaparkan di dalam talian mengenai gambar, bahasa, maklumat peribadi, dan sebagainya. Terangkan kepada mereka tentang jejak kaki digital dan bagaimana tindakan dalam talian mereka sekarang boleh memberikan kesan kepada mereka pada masa akan datang. Sebagai contoh, gambar atau komen dalam talian yang tidak sesuai boleh dibaca oleh majikan pada masa hadapan, dan ini boleh menjejaskan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang mereka mahu.
- Bincang dengan remaja anda mengenai kesan buruk aktiviti yang menyalahi undang-undang dan yang berbahaya; seperti pornografi dan perjudian dalam talian. Bincangkan juga pengaruh yang tidak elok; seperti keganasan, ketagihan, kebencian, dan perkauman, yang boleh terjadi kesan daripada penglibatan mereka dengan komuniti dalam talian yang tidak sesuai.

Tiga (3) peraturan mudah untuk mengingatkan anak-anak anda:
1. Kawal maklumat peribadi - rahsiakan semua maklumat peribadi (nama sebenar, alamat, nama sekolah, nombor telefon, gambar) dan akaun media sosial peribadi.
2. Jauhi orang yang tidak dikenali. Sama seperti di dunia nyata, kanak-kanak mesti sentiasa menjauhi orang yang tidak dikenali. Jangan berbual dengan orang yang tidak dikenali di dalam talian atau bersetuju untuk bertemu dengan mereka di luar talian.
3. Sentiasa berhubung dengan ibu bapa dan penjaga. Anak-anak harus berasa bebas untuk berkongsi pengalaman dalam talian mereka dengan ibu bapa dan penjaga terutama jika ada sesuatu yang membuat mereka berasa tidak selesa.

Cara terbaik untuk menjaga keselamatan dalam talian adalah dengan melibatkan diri anda demi memantau aktiviti mereka kerana tiada perisian atau aplikasi yang benar-benar boleh menjamin keselamatan mereka. Ingatlah bahawa anak anda mungkin sudah mengetahui lebih banyak tentang Internet daripada anda. Oleh itu, eloklah anda membuka akaun media sosial anda sendiri dan memainkan permainan serta aplikasi anak-anak anda supaya anda tahu bagaimana platform ini berfungsi. Dengan berbuat demikian, anda boleh cemerlang dalam keibubapaan siber.

Selain itu, penting juga untuk anda sendiri menggunakan Internet secara bertanggungjawab dan menjadi contoh kepada keluarga anda. Mengekalkan hubungan positif dengan berkomunikasi secara tetap dengan anak anda adalah penting untuk mencegah risiko dan ancaman siber daripada berlaku. Interaksi yang kurang baik antara ibu bapa dengan kanak-kanak boleh menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kesepian, berasa terasing dan rendah diri. Masalah emosi sedemikian, apabila ditambah dengan kurangnya kematangan dalam kemahiran sosial dan hidup, boleh menyebabkan kanak-kanak menjadi lebih terdedah kepada risiko dan ancaman siber.

Tiga (3) peraturan mudah untuk Ibu bapa:
1. Ketahui maklumat terkini mengenai teknologi. Terdapat banyak sumber dalam talian yang dapat membantu anda untuk mendapatkan maklumat terkini dan mempelajari asas-asas perisian, permainan dan aplikasi sedia ada serta yang baharu dikeluarkan, contohnya; ***www.norton.com/familyresources***
2. Sentiasa berkomunikasi dengan anak-anak anda mengenai pengalaman Internet mereka. Pupuk hubungan saling mempercayai dan pastikan talian komunikasi sentiasa terbuka.
3. Bersungguh-sungguhlah memantau aktiviti dalam talian anak-anak anda – apa mereka buat, ke mana mereka pergi dan dengan siapa mereka bercakap.

Akhir kata, pastikan anak-anak anda meluangkan banyak waktu bebas teknologi untuk memupuk pelbagai kemahiran dan minat di luar talian!

PENGHARGAAN

Hasil Kerjasama

CyberSecurity MALAYSIA

NACSA
AGENSI KESELAMATAN SIBER NEGARA
NATIONAL CYBER SECURITY AGENCY

NATIONAL COUNCIL OF WOMEN'S ORGANISATIONS MALAYSIA

digi

LIMKOKWING UNIVERSITY OF CREATIVE TECHNOLOGY

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

Ikrar Kempen #DealwithIT

Bagaimana untuk berikrar menggunakan templat?

1. Pilih dan muat turun ikrar dalam bentuk templat dari laman sesawang, ***www.cybersafe.my/saferinternetday***

2. Bergambar sambil bergaya *(pose)* dengan memakai kaca mata hitam, bersama anak-anak.

3. Muat naik gambar tersebut bersama templat yang dipilih serta kapsyen anda dan taip tanda pagar (#hashtag) kempen.
   Contoh: <Kapsyen> #DealwithIT #SID2018 #cyberSAFE #CoolParenthood

BUKU PANDUAN

KEIBUBAPAAN SIBER

Untuk mendapatkan maklumat lanjut
mengenai keibubapaan siber, sila hubungi:

CyberSecurity Malaysia
Aras 5, Mines@Sapura,
No 7, Jalan Tasik, The Mines Resort City,
43300 Seri Kembangan,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Waktu pejabat
Isnin - Jumaat 8:30 am - 05:30 pm

Telefon
03-889926888
Hotline Cyber999: 1-300-88-2999

E-mel
cybersafe@cybersecurity.my

www. cybersecurity.my
www. cybersafe.my